

**KAJIAN KESESUAIAN LOKASI TANAH PERKUBURAN  
DALAM KAWASAN BANDAR  
KAJIAN KES: BANDAR ALOR SETAR**

Oleh

**SADINAH BINTI SAAD**

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam

Mei 1996

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum.....

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinNYA dapatlah saya menyempurnakan Kajian Akhir ini. Untuk menyiapkan Kajian Akhir saya ini pelbagai dugaan telah saya harungi. Walaubagaimanapun dengan kerjasama dari semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak amatlah saya sanjungi.

Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka kerana telah sudi membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyempurnakan kajian saya ini, di antaranya adalah En. Wan Mohamed Yusoff Abdullah, Penyelia Kajian, Puan Saniah Ahmad Zaki, Ketua Kursus Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah, para Pegawai dan juga kakitangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah, para Pegawai Majlis Perbandaran Kota Setar, Ahli Jawatankuasa Qariah kawasan kajian, keluarga yang telah banyak memberi dorongan dan akhir sekali pada rakan-rakan seperjuangan saya, para pelajar DTRP 06.

## ABSTRAK

"Manusia diciptakan daripada tanah dan kepada tanah juga manusia akan kembali"

-Surah Al-Iqra'

Kematian merupakan satu kemestian kepada semua makhluk yang bernyawa di muka bumi ini. Kematian juga merupakan satu perkara yang menakutkan untuk ditempuhi. Oleh itu sebahagian masyarakat tuba untuk tidak mengingatnya agar kemewahan dan kesenangan dapat dikumpulkan sebanyak yang mungkin. Banyak pembangunan yang dijalankan bertujuan untuk mengaut keuntungan agar matlamat utama dalam hidup mereka dapat dikecapi. Mereka juga lupa untuk menoleh ke belakang dan melihat tempat tinggal mereka yang abadi dan hakiki iaitu kubur.

Tanah perkuburan merupakan salah satu kemudahan awam kepada orang ramai. Di sini kesemua manusia yang telah meninggal dunia dikebumikan. Sekiranya kawasan ini tidak mencukupi maka sudah tentu pelbagai implikasi sama ada dari segi kesihatan, pembangunan, perletakan dan sebagainya akan timbul. Kajian kesesuaian perletakan tanah perkuburan di kawasan bandar merupakan satu kajian yang mana menghuraikan sama ada lokasi tanah perkuburan sesuai atau tidak diletakkan di dalam kawasan bandar. Enam kawasan telah dipilih sebagai kawasan kajian iaitu Mergong, Pumpong, Alor

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual	iv
Senarai Rajah	v
Senarai Gambar	vi
Senarai Pelan	viii
Senarai Lampiran	viii

## **KANDUNGAN**

### **BAB 1      PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kenyataan Isu Masalah	2
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Had Kajian	6
1.7	Metodologi Kajian	7
1.8	Kawasan Kajian	11

### **BAB 2      KAJIAN ILMIAH**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Kepentingan Tanah Perkuburan	13
2.3	Peruntukan Akta Dan Undang-undang	15
2.4	Jenis-jenis Tanah Perkuburan Di Malaysia	16

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Tanah perkuburan merupakan salah satu kemudahan awam yang perlu disediakan dan ianya sama penting dengan keperluan awam yang lain, seperti kawasan lapang, sekolah, klinik dan lain-lain. Di dalam aspek perancangan kadangkala perancangan tanah perkuburan ini sering dilupakan atau ditinggalkan. Ini mungkin kerana dikatakan bahawa pembangunan adalah lebih penting terutamanya dari segi perindustrian, perdagangan dan perumahan memandangkan sektor ini dapat membawa keuntungan yang lumayan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tanah perkuburan merupakan salah satu kemudahan yang amat penting bagi menempatkan orang yang telah meninggal dunia. Sekiranya tanah perkuburan tidak dirancang dengan sebaiknya, masalah kekurangan tanah perkuburan untuk menampung bilangan kematian penduduk sedia ada dan penduduk akan datang timbul dan menjadi kritikal.

Kebanyakan tapak perkuburan sedia ada dan dicadangkan merupakan tanah perkuburan di kawasan luar bandar dan bertujuan untuk digunakan oleh penduduk kampung. Di bandar selalunya tanah perkuburan Islam diletakan bersebelahan dengan masjid. Ini juga akan menimbulkan